

SOALAN LAZIM myWaqafPTPTN

1. Apakah itu myWaqafPTPTN?

myWaqafPTPTN adalah produk/ instrumen **wakaf tunai** untuk pendidikan tinggi yang disediakan melalui kerjasama strategik antara Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang telah dimeterai pada 22 Februari 2024.

2. Bagaimanakah kaedah tadbir urus atau pengurusan myWaqafPTPTN?

Dana wakaf tunai yang disalurkan oleh syarikat korporat, organisasi, orang awam atau warga PTPTN akan diterima, diuruskan dan dilaburkan dalam pelaburan patuh Syariah oleh **Yayasan Waqaf Malaysia**.

Manfaat daripada dana tersebut (hasil pelaburan) akan diuruskan oleh **PTPTN** untuk disalurkan kepada mahasiswa asnaf, B40 dan M40 untuk biasiswa pendidikan tinggi.

3. Apakah syarat-syarat orang yang ingin berwakaf?

Syarat-syarat orang yang ingin berwakaf adalah :-

- a. Baligh;
- b. Berakal (sempurna akal fikiran) dan waras pemikirannya;
- c. Harta yang hendak diwakafkan hendaklah dimiliki penuh oleh Pewakaf;
- d. Berwakaf atas kerelaan sendiri tanpa ada paksaan dari sesiapa.

4. Siapakah yang boleh berwakaf di myWaqafPTPTN?

Pewakaf (Waqif) adalah terdiri daripada organisasi, syarikat, individu serta entiti yang sah di sisi undang-undang sama ada dari dalam atau luar negara merangkumi:

- i. Kerajaan;
- ii. Syarikat-syarikat korporat;
- iii. Badan-badan berkanun;
- iv. Badan-badan bukan Kerajaan (NGO);
- v. Orang awam;
- vi. Warga PTPTN; dan
- vii. Dana/ sumbangan luar negara.

5. Bagaimanakah kaedah berwakaf di myWaqafPTPTN?

Wakaf boleh dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah berikut:

- a. Laman web rasmi YWM (<https://www.ywm.gov.my/app/>) dengan memilih myWaqafPTPTN dalam senarai 'Wakaf Khas / Projek'
- b. Membuat pindahan wang ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia di **RHB Islamic Bank** melalui nombor akaun **2-12457-6006259-1**
- c. Imbas QR DuitNow di bawah untuk menyempurnakan pewakafan:



6. Berapakah jumlah amaun minimum atau maksimum untuk berwakaf?

Tiada had nilai ditetapkan bagi tujuan pewakafan ini.

7. Apakah faedah berwakaf melalui myWaqafPTPTN?

Pewakaf (Waqif) yang memberi sumbangan kepada myWaqafPTPTN akan layak mendapat potongan cukai 10% daripada pendapatan agregat di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

8. Kemanakah dana myWaqafPTPTN akan disalurkan?

Dana myWaqafPTPTN akan disalurkan kepada penerima wakaf dari kalangan mahasiswa dari golongan B40, M40 dan asnaf dan tidak terhad kepada yang beragama Islam sahaja.

9. Siapakah penerima wakaf myWaqafPTPTN?

Penerima wakaf myWaqafPTPTN adalah :-

- a. Pelajar yang layak pinjaman PTPTN, terdiri daripada golongan B40, M40 (kategori maksimum atau 75%) dan merupakan asnaf/ penerima bantuan yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN); dan
- b. Pelajar yang layak tidak terhad kepada yang beragama Islam sahaja.

Syarat permohonan penerima wakaf akan dimaklumkan daripada semasa ke semasa sementara menunggu pengembangan 'ain waqaf' yang akan dibuat melalui pelaburan.

**Kemas kini pada 18 Mac 2024
Jabatan Dasar
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**